



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58
No. 3


29hb Januari 2015

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 62 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis:

The following Enactments, passed by the Perlis State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Ruler, is published pursuant to Clause (3) of Article 62 of the Laws of the Constitution of Perlis:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 18	Enakmen Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Negeri Perlis 1963 State of Perlis Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Enactment 1963



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 18

ENAKMEN LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGGUNAAN TIDAK WAJAR) NEGERI PERLIS 1963

(Disemak—2014)

**ENAKMEN LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGGUNAAN
TIDAK WAJAR) NEGERI PERLIS 1963**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	...	26 Januari 1964
Disemak sehingga	...	...	...	...	31 Disember 2014
Tarikh versi semakan ini disiarkan dalam <i>Warta</i>	...	...	...	...	29 Januari 2015
Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat kuasanya versi semakan ini menurut perenggan 5(1)(xxiii) Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perlis) [Enakmen 1]	...	...	...	...	29 Januari 2015

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1963 sebagai Enakmen No. 9 Tahun 1963.

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**Enakmen 18****ENAKMEN LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH
PENGUNAAN TIDAK WAJAR) NEGERI PERLIS 1963**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Larangan mengguna lambang dan nama tertentu dengan tidak wajar
4. Larangan mendaftar syarikat tertentu, dll.
5. Penalti
6. Sanksi bagi pendakwaan
7. Kuasa meminda Jadual

JADUAL

BAHAGIAN I—LAMBANG

BAHAGIAN II—BENDERA

BAHAGIAN III—NAMA

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**Enakmen 18****ENAKMEN LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH
PENGUNAAN TIDAK WAJAR) NEGERI PERLIS 1963**

(Disemak – 2014)

Suatu Enakmen bagi mencegah penggunaan tidak wajar Lambang dan Nama Negeri Perlis atau mana-mana bahagian daripadanya untuk maksud profesional dan perniagaan.

[1 April 1964, Ps. L.N. 6/1964]

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Negeri Perlis 1963.

Tafsiran

2. Di dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pihak berkuasa kompeten” ertinya mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa untuk mendaftarkan mana-mana syarikat, firma atau kumpulan orang lain atau apa-apa cap dagangan atau reka bentuk atau untuk memberikan sesuatu paten;

“lambang yang tertentu” ertinya apa-apa lambang, mohor, bendera, tanda kehormatan atau yang berupa gambar yang ditetapkan dalam Jadual;

“nama yang tertentu” ertinya apa-apa nama atau pangkat yang ditetapkan dalam Jadual termasuklah apa-apa singkatan bagi mana-mana nama itu.

Larangan mengguna lambang dan nama tertentu dengan tidak wajar

3. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis Menteri Besar—

- (a) mengguna apa-apa nama yang tertentu atau lambang yang tertentu atau apa-apa tiruan serupa mengenainya atau apa-apa bahagian daripadanya bagi maksud apa-apa perdagangan, perniagaan, pekerjaan atau profesion atau apa-apa aktiviti sosial atau persendirian;
- (b) mengguna atau terus mengguna apa-apa nama yang tertentu atau lambang yang tertentu atau apa-apa tiruan serupa mengenainya atau apa-apa bahagian daripadanya, dalam tajuk apa-apa paten, atau dalam apa-apa cap dagangan atau reka bentuk; atau
- (c) membuat bagi maksud jualan atau menjual atau dipamer untuk jualan atau ada dalam miliknya untuk dijual, apa-apa lambang yang tertentu.

(2) Menteri Besar boleh mengenakan syarat yang difikirkannya patut dalam memberi kebenaran di bawah subseksyen (1).

Larangan mendaftar syarikat tertentu, dll.

4. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, tiada pihak berkuasa kompeten boleh—

- (a) mendaftarkan mana-mana syarikat, firma atau kumpulan orang lain di bawah apa-apa nama;
- (b) mendaftarkan suatu cap dagangan atau reka bentuk yang mempunyai apa-apa lambang atau nama atau mana-mana bahagian daripadanya; atau
- (c) memberi paten berkenaan dengan suatu ciptaan yang mempunyai tajuk yang mempunyai lambang atau nama atau mana-mana bahagian daripadanya,

jika penggunaan nama atau lambang tersebut adalah melanggar dengan seksyen 3.

(2) Sekiranya berbangkit apa-apa pertikaian sama ada apa-apa lambang atau nama itu suatu lambang yang tertentu atau nama yang tertentu atau sebarang tiruan serupa mengenainya atau mana-mana bahagian daripadanya, pihak berkuasa kompeten hendaklah merujuk perkara itu kepada Menteri Besar dan keputusan Menteri Besar adalah muktamad.

Penalti

5. Mana-mana orang yang melanggar seksyen 3 adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Sanksi bagi pendakwaan

6. Tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali dengan terlebih dahulu mendapat sanksi bertulis Pendakwa Raya.

Kuasa meminda Jadual

7. Raja dalam Mesyuarat boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menambah kepada atau meminda Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2 dan 7)

BAHAGIAN I—LAMBANG

1. Jogan, Jata dan Mohor Rasmi Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis.
2. Mohor Besar Kerajaan Negeri Perlis.
3. Jata atau Lambang Kerajaan Negeri Perlis.
4. Darjah Kebesaran, Lambang Kebesaran, Pingat, Lencana dan Bintang Kehormatan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis yang ditetapkan oleh statut.

BAHAGIAN II—BENDERA

1. Bendera Negeri Perlis.
2. Bendera Duli Yang Maha Mulia Raja.

BAHAGIAN III—NAMA

1. Nama Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis.

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 18

ENAKMEN LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGUNAAN TIDAK WAJAR) NEGERI PERLIS 1963

(Disemak – 2014)

*Butir-butir di bawah perenggan 6(ii) dan (iii) Enakmen Penyemakan
Undang-Undang (Negeri Perlis) 2006 [Enakmen 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
No. 3 tahun 1980	Enakmen Lambang dan Nama (Pencegahan Penggunaan Tidak Wajar) (Pindaan) Negeri Perlis 1980	27-4-1980

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	Tajuk
No. 9 tahun 1963	Undang ² Lambang dan Nama ² bagi Negeri Perlis (Penegahan Mengguna Dengan Ta'Senonoh) tahun 1963

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
3	No. 3 tahun 1980	27-4-1980

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 18

ENAKMEN LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGUNAAN TIDAK WAJAR) NEGERI PERLIS 1963

(Disemak – 2014)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA PENYEMAK
UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 5 ENAKMEN PENYEMAKAN
UNDANG-UNDANG (NEGERI PERLIS) 1963 [ENAKMEN 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
Susunan kandungan	Susunan kandungan di bawah “SUSUNAN SEKSYEN” dimasukkan	perenggan 5(1)(vii)
Bentuk Perkenan DiRaja	Ditinggalkan	perenggan 5(1)(xxiv)
Tajuk Panjang	Perkataan “Suatu Enakmen bagi mencegah penggunaan tidak wajar Lambang dan Nama Negeri Perlis atau mana-mana bahagian daripadanya untuk maksud profesional dan perniagaan menggantikan “Undang ² bagi menegah daripada mengguna dengan ta’senonoh akan Lambang ² Negeri Perlis atau mana ² bahagian daripada-nya untuk tujuan menchari wang (professional) dan perdagangan”	perenggan 5(1)(iii) dan (vi)
Ayat mengundang-undang	Ditinggalkan	perenggan 5(1)(f)
seksyen 1	1. Perkataan “Tajuk ringkas” menggantikan “Nama dan permulaan” dalam nota bahu 2. Perkataan “Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Negeri Perlis 1963” menggantikan “Undang² ini di-namakan Undang² Lambang dan Nama² bagi Negeri Perlis (Penegahan Mengguna Dengan Ta’Senonoh) tahun 1963”	perenggan 5(1)(xxiv) perenggan 5(1)(xxa), (xv) dan (xxiv)

Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 11

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	3. Perkataan “dan akan berjalan kuat kuasa-nya pada tarikh yang di-tetapkan oleh Raja Pemerintah di dalam <i>Warta Kerajaan</i> ” ditinggalkan	perenggan 5(1)(xxiv)
seksyen 2	1. Perkataan “Tafsiran” menggantikan “Ma’ana” dalam nota bahu	perenggan 5(1)(xxa) dan (xxiv)
	2. Perkataan “Di dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain” menggantikan “Di-dalam Undang ² ini, kechuali ayat ² -nya berkehendakkan ma’ana yang lain”	perenggan 5(1)(xxa) dan (xxiv)
	3. (a) Dalam Tafsiran perkataan “pihak berkuasa kompeten”	
	(i) Perkataan “pihak berkuasa kompeten” menggantikan “Pihak yang berkuasa”	perenggan 5(1)(xv) dan (xxa)
	(ii) Perkataan “ertinya mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa untuk mendaftarkan mana-mana syarikat, firma atau kumpulan orang lain atau apa-apa cap dagangan atau reka bentuk atau untuk memberikan sesuatu paten” menggantikan “ma’ana-nya mana ² pihak yang berkuasa di-bawah sabarang undang ² yang berjalan kuat kuasa-nya pada masa ini yang berhak mendaftar mana ² kompani, gedong atau lain ² badan atau sabarang tanda perniagaan atau bentok rupa atau memberi hak untuk membuat dan menjual sa-suatu”	perenggan 5(1)(xxa)
	(b) Dalam Tafsiran perkataan “lambang yang tertentu”—	
	(i) Perkataan “lambang yang tertentu” menggantikan “Lambang yang tertentu”	perenggan 5(1)(xv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	(ii) Perkataan “ertinya mana-mana lambang, mohor, bendera, tanda kehormatan atau yang berupa gambar yang ditetapkan dalam Jadual” menggantikan “ma’ana-nya mana ² lambang, mohor, bendera, tanda kehormatan atau yang berupa gambar yang di-tetapkan di-dalam Jadual”	perenggan 5(1)(xxa)
	(c) Dalam Tafsiran perkataan “nama yang tertentu”—	
	(i) Perkataan “nama yang tertentu” menggantikan “Nama yang tertentu”	perenggan 5(1)(xv)
	(ii) Perkataan “ertinya apa-apa nama atau pangkat yang ditetapkan dalam Jadual termasuklah apa - apa singkatan bagi mana-mana nama itu” menggantikan “ma’ana-nya mana ² nama atau pangkat yang di-tetapkan di-dalam Jadual termasuklah nama ² ringkas bagi nama ² itu”	perenggan 5(1)(xv)
subseksyen 3(1)	1. Perkataan “Larangan mengguna lambang dan nama tertentu dengan tidak wajar” menggantikan “Penegahan menggunakan dengan ta’senonoh akan lambang ² dan nama ² ” dalam nota bahu.	perenggan 5(1)(xxa) dan (xxiv)
	2. Perkataan “Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis Menteri Besar—” menggantikan “Dengan tidak memperdulikan kepada sabarang undang ² yang berjalan kuat kuasa-nya pada masa ini maka tidak di-benarkan sa-siapa— kechuali dengan kebenaran bertulis daripada Menteri Besar.”	perenggan 5(1)(xiii), dan (xxa)

Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 13


Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
perenggan 3(1)(a)	1. Perkataan “mengguna” menggantikan “Menggunakan” 2. Perkataan “bagi maksud apa-apa perdagangan, perniagaan, pekerjaan atau profesion atau apa-apa aktiviti sosial atau persendirian;” menggantikan “untuk tujuan perdagangan, perniagaan atau untuk tujuan mencari wang atau untuk tujuan sosial atau persendirian; atau”	perenggan 5(1)(xxa) perenggan 5(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 3(1)(b)	Perkataan “mengguna atau terus mengguna apa-apa nama yang tertentu atau lambang yang tertentu atau apa-apa tiruan serupa mengenainya atau apa-apa bahagian daripadanya, dalam tajuk apa-apa paten, atau dalam apa-apa cap dagangan atau reka bentuk” menggantikan “Mengguna atau terus menggunakan mana ² nama yang tertentu atau lambang yang tertentu atau sabarang tiruan yang boleh di-warnakan bagi lambang itu atau mana ² bahagian daripada-nya di-dalam sabarang nama hak untuk membuat dan menjual sesuatu, atau di-dalam sabarang tanda perniagaan atau bentuk rupa”	perenggan 5(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 3(1)(c)	Perkataan “membuat bagi maksud jualan atau menjual atau dipamer untuk jualan atau ada dalam miliknya untuk dijual, apa-apa lambang yang tertentu” menggantikan “Buat untuk tujuan menjual, jual atau di-pamer untuk di-jual atau ada di-dalam simpanan untuk di-jual mana ² lambang yang tertentu.”	perenggan 5(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 3(2)	Perkataan “Menteri Besar boleh mengenakan syarat yang difikirkannya patut dalam memberi kebenaran di bawah subseksyen (1)” menggantikan “Menteri Besar boleh mensyaratkan sabarang kebenaran yang di-beri di-bawah sab-sekshen (1) itu kepada apa ² sharat, jika ada, yang ia fikir patut”	perenggan 5(1)(iii) dan (xxi)
seksyen 4	Perkataan “Larangan mendaftar syarikat tertentu, dll.” menggantikan “Penegahan mendaftar sa-tengah ² kompani dan lain ² ” dalam nota bahu.	perenggan 5(1)(xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 4(1)	Perkataan “Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, tiada pihak berkuasa kompeten boleh—” menggantikan “Dengan tidak memperdulikan kepada sabarang undang ² yang berjalan kuat kuasa-nya pada masa ini, pihak yang berkuasa tidak boleh—”	perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv)
perenggan 4(1)(a)	Perkataan “mendaftarkan mana-mana syarikat, firma atau kumpulan orang lain di bawah apa-apa nama;” menggantikan “mendaftar mana ² kompani, gedong atau lain ² badan di-bawah sabarang nama; atau”	perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv)
perenggan 4(1)(b)	Perkataan “mendaftarkan suatu cap dagangan atau reka bentuk yang mempunyai apa-apa lambang atau nama atau mana-mana bahagian daripadanya” menggantikan “mendaftar sesuatu tanda perniagaan atau bentok rupa yang mengandongi lambang atau nama atau mana ² bahagian daripada-nya”	perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv)
perenggan 4(1)(c)	1. Perkataan “memberi paten berkenaan dengan suatu ciptaan yang mempunyai tajuk yang mempunyai lambang atau nama atau mana-mana bahagian daripadanya,” menggantikan “memberi hak untok membuat dan menjual sesuatu rekaan yang mengandongi lambang atau nama atau mana² bahagian daripada-nya” 2. Disusun dan dipecahkan perenggan dengan perkataan “jika penggunaan nama atau lambang tersebut adalah melanggar dengan seksyen 3” sebagai perenggan yang baru.	perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xiii)
subseksyen 4(2)	Perkataan “Sekiranya berbangkit apa-apa pertikaian sama ada apa-apa lambang atau nama itu suatu lambang yang tertentu atau nama yang tertentu atau sebarang tiruan serupa mengenainya atau mana-mana bahagian daripadanya, pihak berkuasa kompeten hendaklah merujuk perkara itu	perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv)

Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 15

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	kepada Menteri Besar dan keputusan Menteri Besar adalah muktamad” menggantikan “Sakira-nya berbangkit apa ² pertelingkahan sama ada lambang atau nama itu satu lambang yang tertentu atau nama yang tertentu atau yang berupa gambar atau mana ² bahagian daripada-nya maka pihak yang berkuasa hendaklah mengemukakan perkara itu kepada Menteri Besar dan keputusan Menteri Besar di atasnya ada-lah muktamad.”	
seksyen 5	1. Perkataan “Penalti” menggantikan “Denda” dalam nota bahu. 2. Perkataan “Mana-mana orang yang melanggar seksyen 3 adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit” menggantikan “Barang siapa yang melanggar syarat² Seksyen 3 adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang² ini dan hendak-lah di-hukom denda sebanyak tidak lebih daripada satu ribu ringgit.”	perenggan 5(1) (xxiv) perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv)
seksyen 6	1. Perkataan “Sanksi bagi pendakwaan” menggantikan “Kebenaran menda’wa” dalam nota bahu. 2. Perkataan “Tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali dengan terlebih dahulu mendapat sanksi bertulis Pendakwa Raya” menggantikan “Tidak boleh di-da’wa mana² kesalahan di bawah Undang² ini kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis daripada Penda’wa Raya terlebih dahulu”	perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv)
seksyen 7	Perkataan “Raja dalam Mesyuarat boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta menambah kepada atau meminda Jadual” menggantikan “Raja dalam Majlis Mesyuarat boleh menambah atau meminda Jadual kepada Undang ² ini dengan jalan mengisytiharkan-nya di dalam Warta Kerajaan.”	perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
Jadual	1. Perkataan “Seksyen 2 dan 7” menggantikan “Sekshen 2 dan 7” 2. Dalam BAHAGIAN I, perkataan “LAMBANG” menggantikan “LAMBANG²” 3. Dalam Perenggan 1, BAHAGIAN I, perkataan “Jogan, Jata” menggantikan “Bendera, Lambang Keluarga (Coat-of-Arm)” 4. Dalam Perenggan 2, BAHAGIAN I, perkataan “Mohor Besar” menggantikan “Mohor” 5. Dalam Perenggan 3, BAHAGIAN I, perkataan “Jata” menggantikan “Lambang Keluarga (Coat-of-Arm)” 6. Dalam Perenggan 4, BAHAGIAN I, perkataan “Darjah Kebesaran, Lambang Kebesaran, Pingat, Lencana dan Bintang Kehormatan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis yang ditetapkan oleh statut” menggantikan “Pangkat² Kemuliaan, Tanda² Kehormatan, Pingat², Lenchana² dan Bintang² Kebesaran Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis yang di-adakan dengan undang².” 7. Dalam BAHAGIAN II, perkataan “BENDERA” menggantikan “BENDERA²” 8. Dalam BAHAGIAN III, perkataan “NAMA” menggantikan “NAMA²”	perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xxa)(xxii) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xxa)(xxii) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xxa)(xxii) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xxa) dan (xxiv)
Keseluruhan Enakmen	1. Nota bahu menggantikan nota birai 2. Noktah di akhir nota bahu ditinggalkan	perenggan 5(1) (vii) dan (xxiv) perenggan 5(1) (xvi) dan (xxiv)



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 18

STATE OF PERLIS EMBLEMS AND NAMES (PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT 1963

(Revised—2014)

**STATE OF PERLIS EMBLEMS AND NAMES (PREVENTION OF
IMPROPER USE) ENACTMENT 1963**

Date of Royal Assent	...	...	...	...	26 January 1964
Revised up to	...	...	...	...	31 December 2014
Date of publication in the <i>Gazette</i> of this revised version	...	...	...	...	29 January 2015
Date appointed for coming into force of this revised version pursuant to <i>paragraph</i> <i>5(1)(xxiii) of the Revision of Laws</i> <i>(State of Perlis) Enactment 2006</i> <i>[Enactment I]</i>	...	...	...	...	29 January 2015

First enacted in 1963 as Enactment No. 9 of 1963

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

LAWS OF THE STATE OF PERLIS**Enactment 18****STATE OF PERLIS EMBLEMS AND NAMES
(PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT 1963**

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Short title
2. Interpretation
3. Prohibition of improper use of certain emblems and names
4. Prohibition of registration of certain companies, etc.
5. Penalty
6. Sanction for prosecution
7. Power to amend Schedule

SCHEDULE

PART I—EMBLEMS

PART II—FLAGS

PART III—NAMES

LAWS OF THE STATE OF PERLIS**Enactment 18****STATE OF PERLIS EMBLEMS AND NAMES
(PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT 1963**

(Revised – 2014)

An Enactment to prevent the improper use of the State of Perlis Emblems and Names or any part thereof for professional and commercial purposes.

[1 April 1964, Ps. L.N. 6/1964]

Short title

1. This Enactment may be cited as the State of Perlis Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Enactment 1963.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“competent authority” means any authority competent under any law for the time being in force to register any company, firm or other body of persons, or any trade mark or design, or to grant a patent;

“specified emblem” means any emblem, crest, seal, flag, insignia, coat-of-arms or pictorial representation specified in the Schedule;

“specified name” means any name or title specified in the Schedule and includes any abbreviation of any such name.

Prohibition of improper use of certain emblems and names

3. (1) Notwithstanding anything contained in any law for the time being in force, no person shall, except with the written permission of the Menteri Besar—

- (a) use any specified name or specified emblem or any colourable imitation thereof or any part thereof, for the purpose of any trade, business, calling or profession or of any social or domestic activities;

- (b) use or continue to use any specified name or specified emblem, or any colourable imitation thereof or any part thereof, in the title of any patent, or in any trade mark or design; or
- (c) make for the purposes of sale or sell or expose for sale or have in his possession for sale, any specified emblem or crest.

(2) The Menteri Besar may subject any permission given under subsection (1) to such conditions as he may deem fit.

Prohibition of registration of certain companies, etc.

4. (1) Notwithstanding anything contained in any law for the time being in force, no competent authority shall—

- (a) register any company, firm or other body of persons under any name;
- (b) register a trade mark or design which bears any emblem, name or any part thereof; or
- (c) grant a patent in respect of any invention which bears a title containing any emblem name or any part thereof,

if the use of such name or emblem would be in contravention of section 3.

(2) If any dispute arises whether any emblem or name is a specified emblem or specified name or a colourable imitation thereof or any part thereof, the competent authority shall refer the question to the Menteri Besar, and the decision of the Menteri Besar thereon shall be final.

Penalty

5. Any person who contravenes section 3 shall be guilty of an offence under this Enactment and shall be liable on conviction to a fine not exceeding one thousand ringgit.

Sanction for prosecution

6. No prosecution for any offence punishable under this Enactment shall be instituted except with the previous sanction in writing of the Public Prosecutor.

Power to amend Schedule

7. The Ruler in Council may, by notification in the *Gazette*, add or alter the Schedule.

SCHEDULE

(Section 2 and 7)

PART I—EMBLEMS

1. The standard coat-of-arm and the official seal of His Highness the Raja of Perlis.
2. The Public Seal of the State of Perlis.
3. The coat-of-arm or emblem or crest of the Government of the State of Perlis.
4. The Orders, Insignias, Medals, Badges and Decorations instituted by statutes of His Highness the Raja of Perlis.

PART II—FLAGS

1. The State Flag of Perlis.
2. The Royal Standard of His Highness the Raja.

PART III—NAMES

1. The Names of His Highness the Raja of Perlis.

LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 18

STATE OF PERLIS EMBLEMS AND NAMES (PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT 1963

(Revised – 2014)

*Particulars under paragraph 6(ii) and (iii) of the Revision of Laws
(State of Perlis) Enactment 2006 [Enactment I]*

LIST OF AMENDMENTS

Amending law	Short title	In force from
No. 3 of 1980	State of Perlis Emblems and Names (Prevention of Improper Use) (Amendment) Enactment 1980	27-4-1980
Act 160	Malaysian Currency (Ringgit) Act 1975	29-8-1975

LIST OF LAWS OR PARTS THEREOF SUPERSEDED

No.	Title
No. 9 of 1963	The State of Perlis Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Enactment, 1963

LIST OF SECTIONS AMENDED

Section	Amending Authority	In force from
3	No. 3 of 1980	27-4-1980

LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment 18

STATE OF PERLIS EMBLEMS AND NAMES (PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT 1963

(Revised – 2014)

LIST OF AMENDMENTS MADE BY THE COMMISSIONER OF LAW REVISION UNDER SECTION 5 OF THE REVISION OF LAWS (STATE OF PERLIS) ENACTMENT 2006 [ENACTMENT 1]

Provision	Particulars of amendment	Authority for amendment
Table of contents	Table of contents under the heading “ARRANGEMENT OF SECTIONS” inserted	paragraph 5(1)(vii)
Long title	Words “and Names” inserted after word “Emblems”	paragraph 5(1)(vi) and (iii)
Form of Royal Assent	Omitted	paragraph 5(1)(xxiv)
Enacting Clause	Omitted	paragraph 5(1)(i)(f)
section 1	1. Words “and commencement” in shoulder note omitted	paragraph 5(1)(xxiv)
	2. Words “and shall come into force on such date as the Ruler may by notification in the <i>Gazette</i> appoint” omitted	paragraph 5(1)(xxiv)
section 2	1. Word “Interpretation” substituted for “Definition” in the shoulder note	paragraph 5(1)(iii)
	2. Word “competent” substituted for “Competent”	paragraph 5(1)(xv)
	3. Words “specified emblem” substituted for “Specified emblem”	paragraph 5(1)(xv)
	4. Words “specified name” substituted for “Specified name”	paragraph 5(1)(xv)

Provision	Particulars of amendment	Authority for amendment
	5. In the interpretation of “specified name” word “abbreviation” substituted for “abbreviations”	paragraph 5(1)(xv)
paragraph 3(1)(a)	Word “or” at the end of that paragraph omitted	paragraph 5(1)(iii)
paragraph 3(1)(c)	1. Word “crest” substituted for “Crest”	paragraph 5(1)(iii)
	2. Semicolon at the end of that paragraph substituted with a fullstop	paragraph 5(1)(xvi)
subsection 3(2)	Words “, if any,” omitted	paragraph 5(1)(xxi) and (xvi)
paragraph 4(1)(a)	Words “or” at the end of that paragraph omitted	paragraph 5(1)(xv)
paragraph 4(1)(b)	Words “emblem,” substituted for “emblem or”	paragraph 5(1)(xv)
paragraph 4(1)(c)	1. Words “emblem, name or any part thereof,” substituted for “emblem, or name, or any part thereof,”	paragraph 5(1)(xv)
	2. Rearranged and divided the paragraph with consequential alterations made	paragraph 5(1)(xiii) and (xiv)
section 5	1. Words “the provision of” omitted	paragraph 5(1)(xxi)
	2. Word “ringgit” substituted for the word “dollars”	paragraph 5(1)(iii)
Throughout the Enactment	1. Shoulder notes substituted for marginal note	paragraph 5(1)(vii)
	2. Full stop at the end of shoulder notes omitted	paragraph 5(1)(xvi)

